

## Angkasa sasar 11,000 ahli menjelang 2020

**PUTRAJAYA** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Berhad Malaysia (Angkasa) menyasarkan 11,000 ahli berdaftar menjelang tahun 2020 sejajar usahanya meningkatkan sumbangan institusi koperasi kepada pembangunan negara.

Timbalan Presiden Angkasa, Mutadho Bahri berkata, sehingga kini Angkasa mempunyai 10,000 ahli dan pihaknya mahu angka itu dipertingkatkan dalam masa dua tahun akan datang.

"Sekarang ini, banyak koperasi ditubuhkan kerana tahap kesedaran tentang kepentingan koperasi dalam membangunkan sesebuah organisasi terutama dalam meningkatkan ekonomi masyarakat.

"Apa yang kita harapkan, apabila ditubuhkan koperasi, mereka digalakkan untuk mendaftar dengan Angkasa supaya dapat diberikan bantuan supaya operasi koperasi dapat berjalan dengan lancar," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertama

Koperasi Alumni Sekolah Menengah Teknik Kuantan 72/73 Berhad di sini semalam.

Pada masa sama, Mutadho berkata, Angkasa akan sentiasa membantu dan membimbing

koperasi yang baru ditubuhkan agar mereka bersedia untuk menceburi pelbagai peluang perniagaan.

"Antara perkara yang boleh dibantu adalah dengan menyediakan kursus, bengkel dan seminar kepada ahli koperasi supaya

urus tadbir dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

"Ahli-ahli juga perlu memainkan peranan dengan mengambil tahu selok belok urusan koperasi yang disertainya dan bukan hanya menunggu dividen atau faedah semata-mata," katanya.

Menurut beliau lagi, penubuhan koperasi alumni merupakan pendekatan paling terbaik kerana dalam kalangan ahlinya terdiri daripada pelbagai latar belakang yang mampu menjana idea demi kebaikan bersama.

